

# Buletin **KKR**

JILID 01/2014

ISSN: 1985-4595

JAN-  
FEB  
2014



Ke Arah Kesejahteraan Rakyat



## TAJUK UTAMA

Kadar Tol Tak Naik

Perasmian Plaza Tol  
Bukit Gambir

Transformasi KKR





Kementerian Kerja Raya Malaysia

## Sidang Redaksi

### PENAUNG

YBhg. Datuk Himmat Singh  
(Ketua Setiausaha Kementerian Kerja Raya)

### PENASIHAT

YABrs. Encik Sarani Bin Dollah  
(Timbalan Ketua Setiausaha (Operasi)  
Kementerian Kerja Raya)

### KETUA PENGARANG

En. Devaraj Subramaniam

### PENGARANG

En. Mohd Rizal bin Hashim  
En. Fauzi bin Baharudin  
Pn. Aisah binti Ghazali

### FOTOGRAFI

En. Rosdin bin Sabni  
(Jurufoto, Unit Komunikasi Korporat)  
Unit Perpustakaan &  
Sumber Jabatan Kerja Raya

### REKA BENTUK/PENCETAK

Qaisworks Sdn. Bhd.  
Tel: +603 7832 2144

### URUSETIA

Unit Komunikasi Korporat  
Kementerian Kerja Raya

Sidang Redaksi mengalu-alukan sebarang sumbangan artikel dan pandangan yang membina bagi mengemaskini serta mempertingkatkan lagi mutu penerbitan Buletin Kementerian Kerja Raya. Sumbangan artikel boleh dialamatkan kepada:

### UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Kementerian Kerja Raya,  
Tingkat 6, Blok B,  
Kompleks Kerja Raya,  
Jalan Sultan Salahuddin,  
50580 Kuala Lumpur.

Tel : 03-8000 8000  
Faks : 03-2711 1101  
E-mel : pro@kk.gov.my  
Web : www.kkr.gov.my  
Facebook: Kementerian Kerja Raya  
Twitter : @MOWorks

Minda Pengarang

# TIADA KENAIKAN TOL BAGI 14 LEBUHRAYA TAHUN 2014

Sepertimana sedia maklum, di negara kita terdapat sejumlah 29 lebuhraya bertol beroperasi. Daripada jumlah ini, 14 lebuhraya yang sepatutnya mendapat kenaikan kadar tol pada tahun 2014. Berikutan keputusan tiada kenaikan tol pada tahun ini, syarikat konsesi layak mendapat pampasan yang dianggarkan sejumlah RM400 juta. Kementerian Kerja Raya akan membuat kajian menyeluruh berhubung konsesi tol sedia ada dalam konteks jangka panjang, dengan mengkaji terma-terma yang boleh dipersetujui bersama dengan pihak konsesi dan memperincikan beberapa opsyen seperti penstrukturan semula kadar tol dengan mengambilkira kos operasi, kos penyelenggaraan, jumlah trafik, keuntungan atau kerugian syarikat dan kemudahan-kemudahan yang disediakan bagi keselesaan dan keselamatan pengguna lebuhraya.

Dengan itu, Kementerian Kerja Raya akan mengadakan rundingan bersama-sama dengan Unit Kerjasama Awam Swasta, Jabatan Perdana Menteri, Kementerian Kewangan, Jabatan Peguam Negara dan Lembaga Lebuhraya Malaysia, serta dengan semua syarikat konsesi bagi mencari kaedah penyelesaian jangka pendek, sederhana dan jangka panjang berkaitan dengan lebuhraya dan bagaimana kita dapat memberi pakej yang 'menang-menang' kepada semua pihak yakni Kerajaan, rakyat, syarikat, pelabur dan pemberi pinjaman.

Untuk makluman 14 lebuhraya yang tiada kenaikan tol bagi tahun 2014 adalah:

Lebuhraya Bertingkat Ampang Kuala Lumpur (AKLEH)  
Lebuhraya Skim Penyuraian Trafik KL Barat (SPRINT)  
Lebuhraya Baru Pantai (NPE)  
Lebuhraya Storm Water Management and Road Tunnel (SMART)  
Lebuhraya Penyuraian Trafik Lingkaran Kajang (SILK)  
Lebuhraya Damansara-Puchong (LDP)  
Lebuhraya Kajang-Seremban (LEKAS)  
Lebuhraya Senai-Desaru (SDE)  
Lebuhraya Shah Alam-Kuang (GCE)  
Lebuhraya Lembah Klang Selatan (SKVE)  
Lebuhraya Sungai Besi (BESRAYA)  
Lebuhraya Lingkaran Luar Butterworth (BORR)  
Lebuhraya Kuala Lumpur-Putrajaya (MEX)  
Lebuhraya Duta Ulu Kelang (DUKE)

- Pengarang

# Majlis Perasmian Projek Persimpangan BERTINGKAT SUNGAI BUAYA, LEBUHRAYA UTARA SELATAN



**SUNGAI BUAYA, SELANGOR, 9 Januari** - YAB Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Haji Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia hari ini telah merasmikan Persimpangan Bertingkat Sungai Buaya, Lebuhraya Utara Selatan (PLUS). Projek Pembinaan Persimpangan Bertingkat Sungai Buaya ini telah dimulakan pada Jun 2011 dan telah siap dalam tempoh 30 bulan dengan kos pembinaan sebanyak RM87 juta yang dibiayai sepenuhnya oleh pihak PLUS Berhad.



Persimpangan Bertingkat Sungai Buaya ini terletak di antara Persimpangan Bertingkat Bukit Beruntung dan Persimpangan Bertingkat Rawang iaitu di KM434.7, Lebuhraya Utara Selatan. Pembinaan persimpangan bertingkat ini adalah cetusan idea oleh YAB Perdana Menteri semasa lawatan beliau ke Kampung Sungai Buaya pada 23 April 2010.



Dengan wujudnya persimpangan bertingkat ini, ia dijangka akan dapat memendekkan tempoh perjalanan antara 40 minit hingga 1 jam dengan jarak perjalanan 24 kilometer dari Bandar Sungai Buaya ke Persimpangan Bertingkat Bukit Beruntung dan 32 kilometer dari Bandar Sungai Buaya ke Persimpangan Bertingkat Rawang.

Majlis ini turut dihadiri oleh YB Datuk Fadillah Yusof, Menteri Kerja Raya serta timbalannya, YB Datuk Rosnah Abdul Rashid Shirlin, Timbalan Menteri Pendidikan II, YB P. Kamalanathan dan Pengerusi Majlis Tindakan Kerajaan Persekutuan Negeri Selangor, Datuk Seri Noh Omar.

# Majlis Anugerah TANGAN EMAS PERDANA MENTERI (MATEPM) 2013

**SERDANG, 23 Januari** - Majlis Anugerah Tangan Emas Perdana Menteri (MATEPM) 2013 telah dirasmikan oleh YAB Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Haji Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia hari ini bertempat di Malaysia Agro Exposition Park Serdang (MAEPS).

MATEPM merupakan anugerah tertinggi yang diberikan kepada pemenang terbaik keseluruhan di Pertandingan Kemahiran Malaysia (PKM) dan Myskills 2013 bagi 22 bidang yang dipertandingkan. Daripada 22 bidang itu, sembilan bidang di bawah tanggungjawab Kementerian Kerja Raya (KKR) dan 13 bidang di bawah tanggungjawab Kementerian Sumber Manusia (KSM).

Anugerah Tangan Emas Perdana Menteri 2013 bagi kategori pengajar Pertandingan MySkills dimenangi oleh Muhammad Hafiz Brahim dari Pusat Latihan Teknologi Tinggi Melaka manakala bagi kategori pelatih (PKM) ia dimenangi oleh Muhammad Izzat Sulaiman dari Kolej Kemahiran Tinggi Mara Rembau. Mereka turut memenangi Pingat Emas dengan masing-masing menerima piala, sijil serta RM7,000 dan RM5,000.

Pada majlis itu juga, YAB Perdana Menteri telah melancarkan WorldSkills Malaysia dan Projek Road to WorldSkills Competition (WSC) Sao Paulo 2015.

Turut hadir ialah YB Datuk Fadillah Yusof, Menteri Kerja Raya serta Timbalannya, YB Datuk Rosnah Abdul Rashid Shirlin, Menteri Sumber Manusia, YB Dato' Sri Richard Riot Anak Jaem dan Ketua Setiausaha KKR, YBhg. Datuk Himmat Singh.



# Sebahagian Jajaran LPT2 BUKIT BESI - PAKA Mula Beroperasi



**DUNGUN, 25 Januari** - Menteri Kerja Raya, YB Datuk Fadillah Yusof telah hadir bagi merasmikan pembukaan sebahagian jajaran Lebuhraya Pantai Timur Fasa 2 (LPT2) hari ini.

Kerajaan telah memutuskan untuk membuka sebahagian jajaran itu kepada laluan awam dari Pakej 10 hingga ke sebahagian Pakej 7 (7C) iaitu dari Persimpangan Bukit Besi ke Persimpangan Paka sepanjang 34 kilometer (km) bersempena dengan perayaan Tahun Baru Cina yang akan diraikan pada 31 Januari ini.

“Pada masa yang sama, kerajaan komited untuk mempercepatkan pembukaan beberapa jajaran LPT2 yang masih dalam peringkat pembinaan dan dijangka dapat disiapkan secara berperingkat-peringkat sebelum September 2014,” katanya lagi. Yang turut hadir ialah Ketua Setiausaha Kementerian Kerja Raya, YBhg. Datuk Himmat Singh dan Ketua Pengarah Kerja Raya, YBhg. Datuk Seri Ir. Mohd. Noor Yaacob.



# Pembukaan PERSIMPANGAN BERTINGKAT BUKIT GAMBIR Manfaatkan Penduduk



**BUKIT GAMBIR, JOHOR, 25 Januari** - YAB Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd Yassin, Timbalan Perdana Menteri Malaysia hari ini telah merasmikan Persimpangan Bertingkat Bukit Gambir, Lebuhraya Utara Selatan (PLUS). Projek ini telah dimulakan pada Ogos 2010 dan telah siap dalam tempoh 38 bulan dengan kos pembinaan sebanyak RM108 juta yang dibiayai sepenuhnya oleh pihak PLUS Berhad dan kos pengambilan tanah sebanyak RM7 juta pula dibiayai oleh Kerajaan.

Sebelum pembukaan Persimpangan Bertingkat Bukit Gambir, pengguna yang ingin menuju ke destinasi Bukit Gambir dari Lebuhraya PLUS akan menggunakan Persimpangan Bertingkat Tangkak atau Persimpangan Bertingkat Pagoh dan masa perjalanan adalah dianggarkan 30 minit bagi jarak perjalanan 25 kilometer. Dengan pembukaan persimpangan bertingkat ini, pengguna hanya perlu melalui jarak sejauh 5 kilometer dan masa perjalanan adalah dianggarkan kurang 10 minit.

Pembukaan Persimpangan Bertingkat Bukit Gambir ini dilihat akan dapat membantu menyuraikan trafik dan mengurangkan kesesakan di Plaza Tol Tangkak dan Plaza Tol Pagoh sedia ada yang sering berlaku kesesakan terutamanya pada waktu cuti perayaan dan cuti umum.



Dalam pada itu, Persimpangan Bertingkat Bukit Gambir juga dijangka menjadi pemangkin kepada pertumbuhan sosio-ekonomi di kawasan Bukit Gambir yang mempunyai jumlah penduduk sekitar 25,000 orang. Hadir sama ialah Menteri Kerja Raya, YB Datuk Fadillah Yusof; Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdul Wahid Omar dan Pengerusi Projek Lebuhraya Utara Selatan (PLUS), Tan Sri Mohd Sheriff Mohd Kassim.



# Lawatan Kerja ke JAMBATAN BUKIT KUANG



**KEMAMAN, 26 Januari** - Menteri Kerja Raya, YB Datuk Fadillah Yusof telah mengadakan lawatan kerja ke Projek Menggantikan Jambatan Bukit Kuang, di Jalan Persekutuan 3, Terengganu hari ini. Ini merupakan salah satu projek di bawah Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER) yang telah diluluskan Kerajaan dalam RMKe-9. Projek sepanjang 3.07 km ini telah diserahkan kepada Kementerian Kerja Raya untuk dilaksanakan dengan anggaran kos berjumlah RM225.7 juta.

Datuk Fadillah berkata dengan pembukaan Jambatan Bukit Kuang ini, ia akan memberi manfaat besar kepada penduduk kerana dapat menjimatkan masa perjalanan daripada 45 minit kepada lima minit sahaja. Pembukaan Jambatan Bukit Kuang ini juga dijangka dapat memberi keselesaan kepada orang awam di kawasan Kemaman khususnya kepada pengguna jalanraya bagi laluan Chukai-Kuala Terengganu.

Turut hadir sama dalam lawatan kerja tersebut ialah YBhg. Datuk Himmat Singh, Ketua Setiausaha Kementerian Kerja Raya (KSUKKR) dan YBhg. Dato' Seri Ir. Hj. Mohd Noor Bin Yaacob, Ketua Pengarah Kerja Raya (KPKR).



**CHUKAI, 25 Januari** - Kementerian Kerja Raya (KKR) memerlukan peruntukan sebanyak RM56.9 juta iaitu RM41.5 juta di Pahang, RM10.3 juta di Terengganu dan RM5.1 juta di Johor bagi baik pulih jalan rosak di negeri-negeri tersebut akibat banjir.

“Kerja-kerja pembaikan ini dijangka dilaksanakan dengan kadar segera bergantung kepada keadaan cuaca setempat bagi memastikan kualiti pembaikan yang sempurna”, kata Menteri Kerja Raya, YB Datuk Fadillah Yusof sempena lawatan kerja beliau ke Jalan-jalan rosak akibat banjir di Daerah Dungun dan Kuantan. Sehubungan dengan itu, KKR telah melaksanakan tindakan pro aktif dengan menubuhkan Pusat Pengurusan Bencana JKR dan meninjau keadaan jalan-jalan persekutuan yang rosak akibat banjir pada tahun ini.

Kementerian juga akan menaiktaraf sistem pembentungan di Jalan Persekutuan di seluruh Malaysia. Datuk Fadillah berharap supaya orang ramai bersama-sama memelihara aset ini dengan tidak membuang sampah ke dalam longkang yang akhirnya boleh menyekat pengaliran air. Pengawasan cerun juga akan dilakukan secara konsisten oleh Unit Kejuruteraan Cerun, Jabatan Kerja Raya (JKR) bagi mengelakan berlakunya tanah runtuh.

# Lawatan Kerja Naiktaraf HOSPITAL KUALA LUMPUR



**KUALA LUMPUR, 10 Februari** - Menteri Kerja Raya, YB Datuk Haji Fadillah Haji Yusof telah mengadakan lawatan kerja ke tapak projek menaiktaraf Hospital Kuala Lumpur (HKL) hari ini. Antara kawasan yang ditinjau ialah projek pembinaan Parkir Kereta Bertingkat, menaiktaraf wad dan lanskap hospital tersebut.

Beliau telah diberi taklimat mengenai pelaksanaan projek tersebut di perkarangan HKL. Pada masa yang sama juga, beliau turut menekankan supaya pihak kontraktor mengutamakan keselamatan pesakit yang berada di hospital tersebut dan menyiapkan projek naiktaraf tersebut dalam jangka masa yang telah ditetapkan.







# Lawatan YBHG. TAN SRI KSN Ke KKR



**KUALA LUMPUR, 13 Januari** - Sesi lawatan Ketua Setiausaha Negara (KSN), YBhg Tan Sri Dr. Ali bin Hamsa ke Kementerian Kerja Raya (KKR) telah diadakan di Bilik Tanjung, Kompleks Kerja Raya hari ini. Sesi ini dihadiri oleh pengurusan atasan dan pegawai kanan KKR dan Agensi di bawahnya iaitu Jabatan Kerja Raya (JKR), Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM), Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dan Lembaga Arkitek Malaysia.

Sewaktu sesi lawatan ini YBhg Tan Sri KSN telah menyampaikan amanat tahun 2014 kepada pengurusan atasan KKR dan Agensi serta menyentuh secara ringkas isu-isu utama KKR dan Agensi dalam meningkatkan mutu pencapaian dan penyampaian perkhidmatan awam. Antara isu-isu utama tersebut ialah program transformasi perkhidmatan awam, program penjimatan/perbelanjaan berhemah, integriti dan isu kebajikan dan kesejahteraan warga organisasi terutama bagi closed service;

Pada sesi ini juga, wakil dari Kementerian dan Agensi telah membentangkan struktur organisasi masing-masing, peranan dan fungsi serta pencapaian utama setiap bahagian. Ini merupakan sesi pertama lawatan KSN ke Kementerian pada tahun 2014.





**KEMAMAN, 26 Januari** - YB Datuk Haji Fadillah Haji Yusof, Menteri Kerja Raya telah menghadiri Program Khidmat Masyarakat Kerja-kerja Mengecat dan Latihan Praktikal di Balairaya Kampung Pasir Gajah, di sini. Bangunan tersebut turut menjadi Perpustakaan bagi penduduk sekitar kawasan ini.

Program ini merupakan anjuran bersama oleh Pusat Khidmat Kontraktor Malaysia (PKKM), Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dan Akademi Binaan Malaysia (ABM). Datuk Fadillah telah menandatangani plat perasmian Balairaya Kampung Pasir Gajah sebagai tanda merasmikan balairaya tersebut.

Turut hadir sama dalam program ini ialah YBhg. Datuk Himmat Singh, Ketua Setiausaha Kementerian Kerja Raya (KSUKKR), YBhg. Dato' Sri Prof Ir. Dr. Judin Bin Abd Karim, Ketua Eksekutif CIDB dan YBhg. Dato' Seri Ir. Hj. Mohd Noor Bin Yaacob, Ketua Pengarah Kerja Raya (KPKR).



**KUANTAN, 27 Januari** - Satu inisiatif telah diambil oleh Kementerian Kerja Raya ekoran banjir yang melanda kawasan pantai timur Semenanjung Malaysia baru-baru ini dengan mengadakan gotong-royong membaikpulih Dewan Orang Ramai Taman Sepakat, Jalan Gambang, di sini yang juga dijadikan Perpustakaan untuk masyarakat setempat.

Program yang dinamakan Program Khidmat Masyarakat Kerja-kerja Mengecat dan Latihan Praktikal ini diurusetikan oleh Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) KKR bersama-sama Pasukan Build Brigade, Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) serta dengan kerjasama Syarikat Nippon Paint.

Perasmiannya telah disempurnakan oleh Menteri Kerja Raya, YB Datuk Haji Fadillah Haji Yusof. Turut hadir sama dalam program ini ialah YBhg. Datuk Himmat Singh, Ketua Setiausaha Kementerian Kerja Raya (KSUKKR), YBhg. Dato' Sri Prof Ir. Dr. Judin Bin Abd Karim, Ketua Eksekutif CIDB, YBhg. Dato' Seri Ir. Hj. Mohd Noor Bin Yaacob, Ketua Pengarah Kerja Raya (KPKR) dan YB. Dato' Mohd Zaili Haji Besar, Ahli Dewam Undangan Negeri (ADUN) Panching.



## Perhimpunan Bulanan KKR



**KUALA LUMPUR, 23 Januari** - Warga Kementerian Kerja Raya (KKR) disarankan untuk sama-sama menyahut seruan YAB Perdana Menteri mengenai pendekatan 11 langkah penjimatan bagi mengurangkan perbelanjaan sektor awam. YB. Datuk Fadillah Yusof, Menteri Kerja Raya berkata demikian ketika Perhimpunan Bulanan KKR di Dewan Tan Sri Mahfoz Khalid hari ini. Beliau juga turut berkongsi intipati amanat Ketua Setiausaha Negara (KSN) mengenai enam prinsip utama bagi mewujudkan sebuah Perkhidmatan Awam yang unggul iaitu keterbukaan, turun padang, musyawarah, insaniah, kekitaan dan kerjasama awam, swasta serta NGO.

Beliau turut menyeru kepada semua warga KKR supaya mengeratkan kerjasama, persefahaman dan sama-sama menggembeleng tenaga dalam merealisasikan segala perancangan yang telah dibuat. “Kita mempunyai tanggungjawab yang besar bagi memastikan negara kita berada di atas landasan yang tepat dalam melaksanakan aspirasi nasional”. Katanya di hadapan hadirin yang terdiri daripada warga KKR, Jabatan Kerja Raya (JKR), Lembaga Lebuh Raya Malaysia (LLM) dan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB).





## Sambutan **TAHUN KUDA** Dikongsi Bersama Warga KKR

**KUALA LUMPUR, 12 Februari** - Majlis Sambutan Perayaan Tahun Baru Cina 2014 atau Tahun Kuda peringkat Kementerian Kerja Raya (KKR) telah diadakan di Dewan Tan Sri Mahfuz Khalid hari ini. Ketibaan Menteri Kerja Raya, YB Datuk Haji Fadillah Haji Yusof telah diiringi kumpulan tarian singa ke dalam dewan. Ucapan pembuka n majlis tersebut telah disampaikan oleh Ir. Tan Tiong Ben, Pengarah Cawangan Kerja Keselamatan, Jabatan Kerja Raya (JKR).



Majlis diteruskan dengan menggaul 'Yee Sang' oleh semua tetamu yang hadir dan ia merupakan makanan tradisional masyarakat Cina yang disediakan ketika sambutan Tahun Baharu Cina sebagai lambang kesejahteraan dan panjang umur. Para hadirin telah dihiburkan dengan persembahan kebudayaan kaum cina seperti tarian singa, tarian tradisional kaum cina dan permainan yoyo cina oleh pelajar Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan Cina (SMJKC) Confucian, Kuala Lumpur.



Turut hadir bersama ialah YB Datuk Rosnah Abdul Rashid Shirlin, Timbalan Menteri Kerja Raya, YBhg. Datuk Himmat Singh, Ketua Setiausaha KKR dan pegawai-pegawai atasan Kementerian serta Agensi-agensi.





# Sambutan MAULIDUR RASUL SAW Peringkat KKR



**KUALA LUMPUR, 24 Januari** - Sambutan Maulidur Rasul peringkat Kementerian Kerja Raya (KKR) 1435H/2014M telah diadakan di Dewan Tan Sri Mahfuz Khalid hari ini. Majlis dimulakan dengan perarakan serta selawat ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW yang disertai oleh warga KKR, Jabatan Kerja Raya (JKR), Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) dan Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) dari perkarangan Blok A Kompleks Kerja Raya ke Dewan melalui Jalan Sultan Salahuddin.

Turut menyertai perarakan ini ialah YBrs. Encik Sarani Dollah, Timbalan Ketua Setiausaha (Operasi) dan YBrs. Encik Zainudin Zakaria, Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan). Majlis ini dimulakan dengan bacaan kitab suci Al-Quran Nur Karim dan seterusnya diikuti dengan persembahan oleh kumpulan nasyid UNIC serta ceramah daripada penceramah jemputan iaitu Ustaz Dzulkarnain Hamzah. Majlis ini diakhiri dengan selawat keatas Nabi Muhammad S.A.W yang dipimpin oleh kumpulan UNIC.



## Majlis Perjumpaan PUSPANITA KKR

**KUALA LUMPUR, 21 Januari** - Persatuan Suri dan Anggota Wanita Perkhidmatan Awam Malaysia (PUSPANITA) Cawangan Kementerian Kerja Raya (KKR) telah menganjurkan Majlis Perjumpaan bersama YB Menteri Kerja Raya dan Penaung PUSPANITA di Dewan Tan Sri Mahfuz Khalid hari ini.

Ucapan aluan telah disampaikan oleh YBhg. Datuk Himmat Singh, Ketua Setiausaha KKR yang juga merupakan Penasihat PUSPANITA Cawangan KKR dan seterusnya diikuti dengan ucapan daripada YB Datuk Fadillah Yusof. Pada majlis ini juga, Datuk Fadillah dan isteri telah menyempurnakan Pelancaran Laman Web PUSPANITA Cawangan KKR.

Para hadirin seterusnya dihiburkan dengan pertunjukan fesyen muslimah serta persembahan oleh ahli PUSPANITA daripada KKR, Jabatan Kerja Raya (JKR), Lembaga Pembangunan Industri Binaan (CIDB) dan Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM).



## Majlis Meraikan Pesara 2013

**KUALA LUMPUR, 23 Disember** - Majlis Meraikan Pesara Kementerian Kerja Raya (KKR) tahun 2013 telah diadakan di Bilik Tanjung, Tingkat 6, Blok A, KKR hari ini. Ia merupakan satu tanda penghargaan dan penghormatan di atas segala sumbangan dan khidmat bakti yang telah dicurahkan oleh pesara-pesara sepanjang berkhidmat dalam perkhidmatan awam.

Ucapan aluan telah disampaikan oleh YBrs. En. Sarani Dollah, Timbalan Ketua Setiausaha (Operasi) [TKSU(O)] KKR. Seramai 16 orang pesara diraikan dalam majlis ini yang terdiri daripada pelbagai jawatan dan telah berkhidmat di KKR melebihi 30 tahun.

Penyampaian cenderahati dan sijil penghargaan telah disampaikan oleh YBrs. En. Sarani Dollah, TKSU(O). Turut hadir sama ialah YBrs. En. Zainudin Zakaria, Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan) [TKSU(P)] KKR dan En. Ahmad Zaini Zabaai, Setiausaha Bahagian Pengurusan Sumber Manusia.



KEMENTERIAN KERJA RAYA  
MALAYSIA  
MINISTRY OF WORKS MALAYSIA



## Pengauditan Pengurusan KEWANGAN KKR 2012 CEMERLANG

**KUALA LUMPUR, 23 Januari** - Majlis Penghargaan Pengauditan Pengurusan Kewangan Kementerian Kerja Raya (KKR) Berdasarkan Indeks Akauntabiliti Tahun 2012 telah diadakan tengah hari ini.

KKR telah dianugerahkan pencapaian empat (4) bintang Indeks Akauntabiliti yang merupakan pencapaian tertinggi dan berada di tahap cemerlang (sangat baik) dengan markah 90 peratus ke atas bagi tahun keempat berturut-turut.

Majlis Penganugerahan Rasmi tersebut telah disempurnakan oleh YBhg Tan Sri Ketua Setiausaha Negara pada 6 Januari 2014 di Akademi Audit Negara, Nilai, Negeri Sembilan.

Majlis ini adalah bagi merakamkan penghargaan Kementerian terhadap pegawai-pegawai dan kakitangan yang terlibat secara langsung dan tidak langsung di dalam Pengauditan Pengurusan Kewangan Berdasarkan Indeks Akauntabiliti Tahun 2012.

Auditan telah dijalankan oleh Jabatan Audit Negara pada bulan Disember 2012 sehingga Januari 2013 melibatkan Bahagian Kewangan, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Bahagian Pengurusan Maklumat, Bahagian Pembangunan dan Penswastaan, Bahagian Akaun, Bahagian Pentadbiran, Bahagian Pembangunan Usahawan, Bahagian Perancang Jalan, Bahagian Pengurusan Korporat dan Unit Audit Dalam.



## Kerjasama tingkat kepakaran

Institut latihan kemahiran awam disaran laksana kaedah seperti Strategi Lautan Biru



Kenaiakan tol hanya diputuskan selepas kajian makmal

## Ambil kira keluhan rakyat - PM



Lebuh raya baru dibuka April

## Lebuh raya baru dibuka April

■ LRSBT lalui alter kepada pengguna elak kesesak di MRR

Oleh Hamidah binti Haniffa

Malaysia

Jajaran projek pembinaan

ISSN 1985 - 4595

9 771985 459008

## Puas hati hasil kerja JKR



Ahmad Yunus (dua, kiri), sedang mendengar penerangan ketika sesi lawatan di kawasan Adun



## Bersyukur hajat tercapai

Kerajaan komited pastikan jalan tanpa tol sentiasa dalam keadaan baik

## Tujuh projek infrastruktur di Sarawak tahun ini



# AUDIT PERSIJILAN 5S

## KEMENTERIAN KERJA RAYA



► Sudah Bersedia, atau  
► Masih Bertanggung  
YANG MANAKAH ANDA ?

MEI 2014

PERSEKITARAN BERKUALITI ORGANISASI CEMERLANG

Bersama Mejayakan AMALAN 5S